

27 NOV 1997

BN KESAL WAKIL DAP KELUAR DEWAN SEMASA UNDI USUL SOKONGAN KEPADA PM

PULAU PINANG, 27 Nov (Bernama) -- Tindakan wakil tunggal DAP meninggalkan persidangan Dewan Undangan Negeri semasa undi dijalankan terhadap usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat dikesali.

Dr Teng Hock Nan (BN-Kebun Bunga) berkata, tindakan Chong Eng (DAP-Batu Lanchang) itu bukan sahaja menggambarkan beliau tidak menyokong usul yang dikemukakan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon itu malahan menunjukkan DAP tidak bersama-sama membantu negara dalam saat genting.

"Sekarang kita tahu bahawa kita tidak boleh bergantung kepada DAP untuk menyokong dan membantu negara dalam saat negara dan pemimpinnya menghadapi kesusahan," katanya sambil disambut tepukan meja oleh anggota-anggota Dewan.

Ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 (1997) hari ini, beliau turut kecewa dengan kenyataan Chong Eng bahawa anggota Dewan BN bertindak keterlaluan untuk mengemukakan usul itu hanya kerana cadangan 34 anggota kongres Amerika Syarikat menuntut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf dan meletak jawatan berikutan kenyataan yang disifatkan sebagai anti-Yahudi.

Teng berkata, jika seorang pun anggota kongres membuat tuntutan itu, Barisan Nasional dan rakyat negara ini patut bertindak sedemikian kerana ia melibatkan maruah dan kedaulatan negara. -- BERNAMA

ZU FAZ